

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 04 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah tafsiran agama Islam dalam Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan hanya merujuk kepada aliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.

JAWAPAN : (YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agama Islam terus terpelihara dan dipertahan. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana yang berikut :

“Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”

2. Walaupun Perlembagaan tidak memperincikan dan tidak mendefinisikan secara spesifik aliran akidah yang perlu diikuti oleh orang Islam di Malaysia, namun ia telah diperincikan melalui peruntukan-

peruntukan perundangan negeri-negeri. Hal ini disebabkan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa sultan dan negeri seperti mana yang telah ditetapkan dalam Senarai 2, Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan.

3. Antara Perlembagaan dan undang-undang tubuh negeri yang secara jelas menetapkan bahawa agama Islam di negeri tersebut adalah berdasarkan aliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah Perlembagaan Negeri Kedah dan Perlis. Perlembagaan negeri-negeri tersebut secara khusus menyatakan bahawa agama Islam beraliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah agama rasmi negeri dan sultan mesti beraliran akidah tersebut.

4. Selain itu, hampir semua enakmen/akta negeri-negeri mentafsirkan hukum syarak sebagai undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang muktabar dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sebagai contoh, seksyen 2 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] memperuntukkan tafsiran Hukum Syarak sebagai Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali.

5. Kedudukan aliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia turut disokong keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan pada 5 Mei 1996 bahawa ia adalah aliran akidah yang diiktiraf dan merangkumi aspek syariah, akhlak dan akidah. Ia turut dikukuhkan dengan fatwa yang dikeluarkan pada tahun 2015 hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan kali ke-90 yang mana memutuskan tentang larangan mengamalkan ajaran yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan larangan mengamalkan ajaran dan amalan fahaman syiah.

6. Selain itu, mahkamah sivil dan syariah di Malaysia juga secara tidak langsung mengiktiraf aliran akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai rujukan dalam kerangka undang-undang di Malaysia. Perkara ini dapat dibuktikan dalam kes *Mustak Ahmed bin Dato' Haji Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik v Abdul Wahid bin Dato' Haji Abdul Rahim Gulam Rasool Shaik & Ors* [1987] 2 MLJ 449 yang mana telah memutuskan seperti berikut:

“The laws applicable in our country relating to the Muslim law of succession, gifts, will and the like are the Shariah laws. As enshrined in our Constitution, the official religion of Malaysia is Islam of the Shafie sect from the school of Ahli Sunnah Wal Jamaah (sunnis). ”

7. Dalam kes *Pendakwa Iwn. Abd.Talib bin Harun dan Lain-Lain [1995] 10 JH 150*, mahkamah syariah memutuskan hukum syarak yang diamalkan di Johor (dan Malaysia) merujuk kepada mazhab Shafi'i dan tertuduh yang mengaku bermazhab Syiah Imamiah tertakluk dengannya.

Sekian, terima kasih.